

No Rujukan: FTM.5/2019/AEP/1

Tarikh: 15 Mac 2019

Dekan,
Fakultas Sains dan Teknologi,
Universitas Islam Negeri,
Maulana Malik Ibrahim,
Malang,
Indonesia.

Yang Berbahagia Dekan,

Per: Program Pertukaran Pelajar antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Islam Negeri

Berdasarkan perbincangan yang lepas, kita telah bersetuju untuk menjalankan program pertukaran pelajar antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Islam Negeri. Cadangan program adalah seperti berikut:

1. Tujuan: Untuk mengukuhkan kefahaman ekonomi dan kebudayaan antara pelajar di negara Asia.
2. Tarikh: 8 Julai – 4 Ogos, 2019.
3. Bahasa: Bahasa Inggeris.
4. Yuran Pengajian: Dibayar kepada universiti asal pelajar.
5. Kos Lain: Tempat tinggal, makanan, insurans kesihatan dan perjalanan akan dibayar oleh pelajar.
6. Kursus: Universiti tuan rumah akan menawarkan sekurang-kurangnya dua kursus bernilai tiga kredit untuk diambil oleh pelajar yang menyertai program pertukaran ini.
7. Transkrip: Pelajar akan dinilai bagi setiap kursus yang diambil. Pada akhir program, pelajar akan diberi transkrip bagi menandakan pencapaian bagi setiap kursus tersebut untuk membolehkan perpindahan kredit dilakukan.
8. Jangkaan Bilangan Pelajar: 20 orang.

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 6172 Faksimili: +603-8925 6732 E-mel: dftsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.fstm.ukm.my>



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Faculty of Information Science and Technology

Bersama-sama ini disertakan brosur bagi program yang ditawarkan di UKM untuk rujukan tuan/puan.

Pihak kami memohon maklumat tentang kursus yang akan ditawarkan oleh Universitas Islam Negeri dan anggaran kos yang perlu dibiaya oleh pelajar sepanjang program pertukaran ini.

Maklumbalas segera daripada pihak tuan amat kami hargai bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program ini.

Terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. ABDULLAH MOHD ZIN

Dekan

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 6172 Faksimili: +603-8925 6732 E-mel: dftsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.dftsm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my